



POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH

SG. LANG, 45100 SG. AIR TAWAR,
SELANGOR.

Tel: 03 – 3280 6255 / 6256 / 6257

Faks : 03 –3280 6402

Email : jhep@psis.edu.my

<http://www.psis.edu.my>

BUKU PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU (Pra Diploma Sains)

Buku ini terdiri daripada 4 (EMPAT) bahagian:-

- a) Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu
- b) Maklumat Tambahan
- c) Maklumat Am
- d) Lampiran

ARAHAN:

1. Baca dengan teliti semua maklumat yang terkandung dalam buku ini. Fahamkan dan **ambil semua tindakan yang berkaitan dengan segera. Kegagalan mematuhi arahan akan mengakibatkan proses pendaftaran anda TERTANGGUH.**
2. **Mematuhi arahan ketika membuat pembayaran Yuran Pengajian / Yuran Asrama / Bayaran Pelbagai di Bank Islam (M) Berhad (BIMB). Pihak Politeknik tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran semua yuran.**

ISI KANDUNGAN

Mukasurat

A.	<u>PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU</u>	
	1.0 Sebelum Pendaftaran	
	1.1 Penyediaan Dokumen	4
	1.2 Pendaftaran <i>on-line</i> (SPMP)	4
	1.3 Pembayaran Pendaftaran	5
	2.0 Hari Pendaftaran	
	2.1 Masa Pendaftaran	6
	2.2 Carta Alir Proses Pendaftaran	6
B.	<u>MAKLUMAT TAMBAHAN</u>	
	1.0 Program Pengajian	7
	2.0 Rupa Diri dan Etika Pakaian	7
	3.0 Kemudahan Kolej Kediaman Pelajar	10
C.	<u>MAKLUMAT AM</u>	
	1. Latar Belakang Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS)	10
D.	<u>LAMPIRAN</u>	
	1. Pelan Lokasi ke PSIS	11
	2. Pelan Kampus di PSIS	12
	3. Tatacara Membayar Yuran Pengajian, Yuran Asrama dan Bayaran Pelbagai di Bank Islam (M) Berhad	13

SENARAI SEMAK DOKUMEN

- ARAHAN:**
1. Semak dan tandakan (√) pada petak yang berkenaan sekiranya perkara-perkara berikut telah disediakan dan dibawa pada hari pendaftaran.
 2. Susun dokumen-dokumen seperti senarai semakan di bawah.
 3. **Sila bawa borang ini pada hari pendaftaran.**

Nama

(Gunakan HURUF BESAR seperti di KadPengenalan)

No. K/P

A. Senarai Dokumen Yang Perlu Dibawa oleh SEMUA Calon Pelajar

Bil	Senarai Dokumen	Tandakan (√)
1.	Slip Pengesahan Pendaftaran <i>on-line</i> (SPMP)	
2.	Borang HEP1 : Borang Maklumat Peribadi Pelajar	
3.	Borang HEP2 : Laporan Pemeriksaan Kesihatan	
4.	Borang HEP3 : Borang Perakuan Kebenaran Bius (<i>Anaesthesia</i>) Dan Pembedahan	
5.	Borang HEP4 : Ikrar Pelajar Dan Lepas Tanggung	
6.	Borang HEP5 : Akuan Pelajar dan Akuan Bapa/ Ibu/ Penjaga	
7.	Borang HEP6 : Akujanji Pelajar	
8.	Gambar warna terbaharu bersaiz pasport sebanyak 12 keping	

A. PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

Anda dinasihatkan membaca maklumat dan arahan di bawah dengan teliti supaya urusan pada hari pendaftaran berjalan dengan lancar.

1.0 SEBELUM PENDAFTARAN

1.1 PENYEDIAAN DOKUMEN

Semua calon pelajar dikehendaki melaksanakan perkara berikut:

- Memuat turun dan mencetak semua **Borang Pendaftaran Pelajar Baharu Politeknik KPT { (HEP1 – HEP6) }** Sesi Jun 2016 di laman web : www.politeknik.edu.my
- Mengisi SEMUA borang dengan lengkap (Borang HEP1 – HEP6). Borang yang telah lengkap diisi hendaklah di bawa pada hari pendaftaran.
- Membawa gambar berwarna terbaharu sebanyak **12 keping berukuran pasport**. **Sila catatkan nama, no. kad pengenalan dan kod program anda di belakang setiap gambar (rujuk Rajah 1).**

Peringatan

- ✚ Pastikan semua **dokumen** yang dikehendaki dibawa pada hari pendaftaran untuk tujuan semakan. **Pendaftaran anda akan tertangguh sekiranya anda gagal mengemukakan dokumen-dokumen tersebut.**
- ✚ Tawaran pengajian ini adalah tertakluk kepada kesahihan maklumat dalam borang permohonan dengan dokumen asal yang dikemukakan. Jabatan Pengajian Politeknik KPT berhak **menarik balik tawaran** atau **memberhentikan pengajian** anda di PSIS pada bila-bila masa sekiranya didapati percanggahan maklumat dalam borang permohonan dengan dokumen asal.

1.2 PENDAFTARAN SECARA on-line melalui SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar)

Semua calon pelajar dikehendaki melaksanakan perkara berikut:

- Menjelaskan semua pembayaran di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)** mengikut jumlah yang telah ditetapkan seperti dalam **Jadual Pembayaran**. Bayaran boleh dibuat mulai **31 Mei 2016 (Selasa)** sehingga **21 Jun 2016 (in)**.

Nota :

Proses pendaftaran **on-line** akan dilaksanakan di Politeknik Sultan Idris Shah pada hari pelajar mendaftar.

RAJAH 1 : Contoh gambar dan pakaian yang dibenarkan



1.3 JADUAL PEMBAYARAN PENDAFTARAN

PERINGATAN :

Semua pelajar hendaklah mematuhi arahan ketika membuat pembayaran yuran pengajian / yuran asrama / bayaran pelbagai di Bank Islam (M) Berhad (BIMB). Pihak Politeknik KPT tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran semua yuran.

- a. Semua bayaran **PERLU DIJELASKAN** sebelum hari pendaftaran pada **13 Jun 2016 (Isnin)**.
- b. **SEMUA PEMBAYARAN YANG TELAH DIBUAT TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN** sekiranya anda menarik diri atau berhenti daripada Politeknik Sultan Idris Shah.
- c. Calon yang mendapat tajaan daripada mana-mana agensi kerajaan atau swasta hendaklah membawa bersama semasa mendaftar **salinan asal surat pengesahan penajaan**. Calon tetap perlu menjelaskan semua pembayaran walaupun mendapat tajaan. Pihak PSIS akan membuat tuntutan kepada agensi berkenaan. Semua pembayaran yang telah dibuat oleh pelajar akan dikembalikan setelah pihak PSIS menerima pembayaran daripada agensi tersebut.
- d. Bayaran melalui cek peribadi atau *Money Order* atau *Postal Order* dan TUNAI **TIDAK DI TERIMA**.

BAYARAN YANG PERLU DIJELASKAN :

Bil	Butiran	Jumlah (RM)	Kaedah Bayaran*
1	Yuran Pengajian**	200.00	- Perkhidmatan Perbankan Internet (bankislam.biz) , atau - Mesin ATM BIMB , atau - Mesin <i>Cash Deposit</i> (CDM) BIMB
2	Yuran Asrama** (bayaran tidak termasuk makan dan minum)	60.00	- Perkhidmatan Perbankan Internet (bankislam.biz) , atau - Mesin ATM BIMB , atau - Mesin <i>Cash Deposit</i> (CDM) BIMB
3	Bayaran Pelbagai**	150.00	- Perkhidmatan Perbankan Internet (bankislam.biz) , atau - Mesin ATM BIMB , atau - Mesin <i>Cash Deposit</i> (CDM) BIMB , atau - Perkhidmatan Kaunter BIMB

* Sila rujuk **Tatacara Membayar Yuran Pengajian, Yuran Asrama dan Bayaran Pelbagai** di m/s 17 (Bahagian D: Lampiran)


** Bayaran untuk satu semester

2.0 HARI PENDAFTARAN

2.1 Tarikh dan waktu pendaftaran di Politeknik Sultan Idris Shah adalah seperti yang dinyatakan dalam surat iringan daripada Politeknik Sultan Idris Shah.

2.2 Mematuhi rupadiri dan etika pakaian semasa mendaftar.

Untuk urusan pendaftaran, pelajar dikehendaki bergerak mengikut turutan berikut:



B. MAKLUMAT TAMBAHAN

1.0 PROGRAM PENGAJIAN

Calon pelajar dinasihatkan untuk menyemak kod-kod program dan jabatan bagi memudahkan proses pendaftaran.

JABATAN (KOD)	NAMA PROGRAM	KOD PROGRAM
JABATAN KEJURUTERAAN AWAM (JKA)	Diploma Kejuruteraan Awam	DKA
	Diploma Seni Bina	DSB
	Diploma Kejuruteraan Alam Sekitar	DAS
JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK (JKE)	Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer)	DTK
	Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)	DEP
JABATAN PERDAGANGAN (JP)	Diploma Sains Kesetiausahaan	DSK
	Diploma Kewangan dan Perbankan Islam	DIB
JABATAN PELANCONGAN DAN HOSPITALITI (JPH)	Diploma Perkhidmatan Makanan (Amalan Halal)	DHF
	Diploma Pengurusan Pelancongan	DUP
JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (JTMK)	Diploma Teknologi Maklumat (Pengaturcaraan)	DIP
	Diploma Teknologi Maklumat (Rangkaian)	DNS
	Diploma Teknologi Digital	DDT
JABATAN MATEMATIK, SAINS DAN KOMPUTER (JMSK)	Pra Diploma Sains	IPS

2.0 RUPA DIRI DAN ETIKA PAKAIAN

Pelajar-pelajar adalah tertakluk kepada semua peraturan bertulis di Politeknik KPT. Secara umumnya pelajar-pelajar hendaklah sentiasa berpakaian menutup aurat (bagi pelajar Islam), kemas, bersih, dan sopan ketika menghadiri kuliah dan aktiviti-aktiviti di politeknik.

Semua jenis pakaian yang menjolok mata adalah dilarang.

2.1 Pakaian dan Rupa Diri Pelajar Lelaki

a. Baju

- i. Baju kemeja berlengan panjang atau pendek yang sentiasa dimasukkan ke dalam seluar (*tuck-in*)
- ii. Butang baju mestilah dikancing dengan sempurna.

- iii. Pemakaian baju Melayu dibenarkan tetapi hendaklah lengkap sepasang berserta dengan sampin dan songkok hitam.
- iv. **Dilarang** memakai baju kemeja-T jenis berkolar yang mempunyai tulisan atau gambar berunsur liar atau negatif.
- v. **Dilarang** memakai **Baju kemeja-T tanpa kolar**.

b. Seluar

- i. Seluar panjang jenis *cotton* atau *slack*
- ii. **Dilarang** memakai seluar **jeans**.

c. Kasut

- i. Hendaklah sesuai untuk kerja di pejabat dan sempurna berstokin. Kasut sukan dibenarkan.
- ii. **Dilarang** memakai **selipar, terompah, capal** dan seumpamanya.
- iii. **Dilarang** memakai **kasut berladam logam** yang berbunyi bising.

d. Rambut

- i. Rambut sentiasa **pendek dan kemas**. Aras belakang tidak melebihi paras kolar baju, aras tepi tidak melebihi paras setengah telinga dan aras depan tidak melebihi dahi.
- ii. **Tidak botak** kecuali yang disyariatkan agama.
- iii. Rambut tidak dibenarkan gaya pacak atau berfesyen atau berwarna.

e. Perhiasan

Sebarang bentuk perhiasan dilarang.

2.2.1 Pakaian dan Rupa Diri Pelajar Perempuan

a. Baju

- i. Pakaian yang tertib, bersih, kemas, sopan dan menutup aurat (bagi pelajar Islam)
- ii. Labuh baju sekurang-kurangnya menutupi paras punggung.
- iii. **Dilarang memakai pakaian yang menjolok mata** (contohnya pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan seperti dada, bahu dan belakang).
- iv. **Dilarang** bagi **pelajar bukan Islam** memakai **skirt** yang lebih pendek daripada paras lutut.
- v. **Dilarang** memakai **Baju kemeja-T yang ketat atau tidak berkolar**.

b. Sarung / Maxi

- i. Labuh, longgar, tidak jarang dan tidak terbelah.

c. Seluar

- i. Seluar panjang jenis *cotton* atau *slack* dan **tidak ketat**.
- ii. Seluar **jeans** **dilarang**.

d. Kasut

- i. Hendaklah sesuai untuk kerja di pejabat. Kasut sukan dibenarkan.
- ii. **Dilarang** memakai **selipar, terompah, capal** dan seumpamanya.
- iii. **Dilarang** memakai **kasut berladam logam** yang berbunyi bising.

e. Rambut

Hendaklah kemas, beridentitikan seorang pelajar perempuan dan menutup aurat (bagi pelajar Islam)

f. Perhiasan

- i. Tidak digalakkan memakai barang kemas.
- ii. **Dilarang** mencukur bulu kening dan solekan yang berlebihan .

JENIS PAKAIAN YANG DIBENARKAN
(PAKAIAN HENDAKLAH SENTIASA KEMAS)

PELAJAR LELAKI



BAJU JENIS T-SHIRT
BERKOLAR DAN
BERLENGAN PENDEK



BAJU JENIS KEMEJA



BAJU MELAYU



BAJU UNTUK KE
MAKMAL / BENGKEL
(T-SHIRT BERKOLAR)

PELAJAR PEREMPUAN



BAJU TRADISIONAL



BAJU KASUAL



BAJU KEBAYA



BAJU KURUNG



TIDAK MELEBIHI TELINGA
DAN KOLAR BAJU



TIDAK MENUTUP DAHI

**RAMBUT HENDAKLAH SENTIASA KEMAS DAN PENDEK
(BAGI PELAJAR LELAKI)**

3.0 **KEMUDAHAN KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR**

PERATURAN KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR

Semua pelajar yang tinggal di Kolej Kediaman Pelajar adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan Kolej Kediaman Pelajar dan politeknik. Sebarang pelanggaran peraturan Kolej Kediaman Pelajar boleh menyebabkan pelajar dikenakan tindakan disiplin dan ditarik kemudahan Kolej Kediaman Pelajar.

3.1 Pendaftaran Kolej Kediaman Pelajar

Tarikh dan waktu pendaftaran Kolej Kediaman Pelajar di Politeknik Sultan Idris Shah adalah seperti yang dinyatakan dalam surat iringan daripada Politeknik Sultan Idris Shah.

Sila pastikan perkara berikut disediakan semasa pendaftaran Kolej Kediaman Pelajar :

- i. **Menyediakan *pad lock*** almari baju dan pastikan ianya dari jenis yang bermutu dan sukar untuk dibuka. Ini adalah sebagai langkah keselamatan terhadap barangan berharga anda.
- ii. **Bantal, sarung bantal dan cadar untuk tilam bujang** (bercorak atau berwarna kosong)
- iii. Kain selimut (bercorak atau berwarna kosong)
- iv. Pakaian kuliah secukupnya (**jeans dan kemeja-T tanpa kolar tidak dibenarkan untuk ke kuliah**) (Rujuk **Perkara B, Para 2.0: Rupa Diri dan Etika Pakaian, m/s 5-7**)
- v. Barang – barang keperluan peribadi yang lain dan bekalan ubat (jika berkaitan).

3.2 Peralatan Elektrik

Hanya peralatan elektrik yang dibenarkan sahaja boleh dibawa ke Kolej Kediaman Pelajar. Semua peralatan yang dibawa hendaklah **didaftarkan di Pejabat Kolej Kediaman Pelajar.** Maklumat lanjut, sila hubungi Pejabat Kolej Kediaman Pelajar di talian : 03-32806284/6285


C. **MAKLUMAT AM**

1. **LATARBELAKANG POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH**


Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) terletak di Sungai Lang, Sabak Bernam, Selangor, kira-kira 30 km dari pekan Sungai Besar dan 20 km dari Sabak Bernam. Politeknik ini mula beroperasi pada 16 Mei 2003 dengan kampus seluas 100.12 ekar serta dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur dan prasarana terkini yang menawarkan persekitaran pembelajaran yang menarik dan kondusif. PSIS merupakan politeknik ke 17 yang ditubuhkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan menawarkan program-program sepenuh masa di peringkat Diploma dalam bidang Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik, Perdagangan, Teknologi Maklumat & Komunikasi, Pengurusan Hotel & Katering dan Pelancongan.

D. **LAMPIRAN**

PELAN LOKASI POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH (PSIS)



Simbol	Keterangan
	Lampu Isyarat
	Arah ke PSIS



Petunjuk;

No. Blok	Nama Blok
A	Perpustakaan
B	Dewan Syarahan Utama
C	Jabatan Kejuruteraan Awam / Elektrik
D	Bilik-Bilik Kuliah
E	Jabatan Perdagangan / Teknologi Mak. & Komunikasi / Peng. Am / Sains & Matematik
F	Jabatan Pelancongan & Hospitaliti / Hotel Anjung Pesona
G	Pusat Islam / Surau

No. Blok	Nama Blok
H	Garaj / Stor Pusat
I	Pusat Sukan Indoor
J	Pondok Pengawal
K	Makmal / Bengkel Kejuruteraan
L1	Rumah Pengarah
L2	Kuarters Ketua Jabatan
L3	Kuarters Kakitangan

- Pergerakan kenderaan (masuk)
- Pergerakan kenderaan (keluar)

JADUAL PEMBAYARAN DAN KAEDAH PEMBAYARAN

PERINGATAN :

Semua pelajar hendaklah mematuhi arahan ketika membuat pembayaran yuran pengajian / yuran asrama / bayaran pelbagai di mana-mana cawangan Bank Islam (M) Berhad (BIMB). Pihak Politeknik KPT tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran semua yuran.

- a. Semua bayaran **PERLU DIJELASKAN** sebelum hari pendaftaran pada **13 Jun 2016 (Isnin)**.
- b. **SEMUA PEMBAYARAN YANG TELAH DIBUAT TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN** sekiranya anda menarik diri atau berhenti daripada Politeknik Sultan Idris Shah.
- c. Calon yang mendapat tajaan daripada mana-mana agensi kerajaan atau swasta hendaklah membawa bersama semasa mendaftar **salinan asal surat pengesahan penajaan**. Calon perlu **menjelaskan semua pembayaran walaupun mendapat tajaan**. Pihak PSIS akan membuat tuntutan kepada agensi berkenaan. Semua pembayaran yang telah dibuat oleh pelajar akan dikembalikan setelah pihak PSIS menerima pembayaran daripada agensi tersebut.
- d. **Bayaran melalui cek peribadi atau Money Order atau Postal Order dan TUNAI TIDAK DI TERIMA.**

BAYARAN YANG PERLU DIJELASKAN :

Bil	Butiran	Jumlah (RM)	Kaedah Bayaran*
1	Yuran Pengajian	200.00	- Perkhidmatan Perbankan Internet (bankislam.biz) , atau
2	Yuran Asrama (Bayaran tidak termasuk makan dan minum)	60.00	- Mesin ATM BIMB , atau - Mesin <i>Cash Deposit</i> (CDM) BIMB
3	Bayaran Pelbagai	150.00	- Perkhidmatan Perbankan Internet (bankislam.biz) , atau - Mesin ATM BIMB , atau - Mesin <i>Cash Deposit</i> (CDM) BIMB , atau - Perkhidmatan Kaunter BIMB

Nota :

* Sila rujuk **Tatacara Membayar Yuran Pengajian, Yuran Asrama dan Bayaran Pelbagai**

TATACARA MEMBAYAR YURAN PENGAJIAN, YURAN ASRAMA DAN BAYARAN PELBAGAI DI BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB)

MAKLUMAT PENTING

- i. Semua pelajar hendaklah **mematuhi arahan ketika membuat pembayaran** yuran pengajian / yuran asrama / bayaran pelbagai di BIMB. Pihak Politeknik KPT **tidak akan bertanggungjawab** di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran semua yuran.
- ii. **Semua pelajar hendaklah menyemak nombor akaun dan jumlah pembayaran selepas membuat bayaran. Sebarang kesilapan perlu dilaporkan ke BIMB dengan SEGERA.**

KAEDAH PEMBAYARAN

Bayaran boleh dibuat melalui saluran berikut:

- a. Perkhidmatan Kaunter BIMB (**hanya untuk Bayaran Pelbagai sahaja**)
- b. Perkhidmatan Perbankan Internet (bankislam.biz) (Semua Jenis Pembayaran)
- c. Mesin ATM BIMB (Semua Jenis Pembayaran)
- d. Mesin *Cash Deposit* (CDM) BIMB (Semua Jenis Pembayaran)

A. PEMBAYARAN DI KAUNTER BIMB (HANYA UNTUK BAYARAN PELBAGAI SAHAJA)

Calon boleh membuat bayaran di mana-mana kaunter cawangan BIMB dengan melengkapkan Borang Slip Pembayaran Bil seperti berikut:

1 → Nama Pelajar
2 → No Akaun
3 → Amaun
4 → Bayar Kepada
5 → Jenis Bayaran
6 → No. My KAD Pelajar

1. Nama Pelajar
2. No Akaun : 12056 - 01 - 0027121
3. Amaun : RM600.00
4. Bayar Kepada : KOPERASI - HEP PSIS
5. Jenis Bayaran : BAYARAN PELBAGAI
6. No. My KAD Pelajar

(Sila simpan salinan pendua Borang Slip Pembayaran Bil yang akan dikembalikan oleh pihak bank sebagai bukti pembayaran)

B. PEMBAYARAN MELALUI PERBANKAN INTERNET (bankislam.biz)

1. Pembayar perlu mempunyai akaun **BIMB** dan ID untuk mengakses perbankan internet Bank Islam. Sila layari www.bankislam.com.my
 - a) Klik logo "Internet Banking Login" dan tekan butang "ok" pada "Security Alerts".
 - b) Masukkan ID pengguna dan kata laluan untuk memasuki sistem Perbankan Internet Bank Islam.
 - c) Pilih "Bill Presentment" pada menu "Bill Payment".
 - d) Pilih "**Politeknik KPT**" (yuran pengajian dan asrama) / "**Koperasi - HEP PSIS**" (bayaran pendaftaran) pada senarai payee corporation.
 - e) Masukkan "No Kad Pengenalan" pada ruang IC/Passport number dan klik "next".
 - f) Klik 'select' pada bill reference untuk paparan maklumat pembayaran
 - g)* Maklumat bil yang hendak dibayar akan dipaparkan. Pilih "source account" yang hendak di debitkan dan masukkan jumlah amaun yang hendak dibayar dan klik "pay"
 - h) Maklumat bayaran dipamirkan untuk tujuan varifikasi. Klik 'confirm' untuk pengesahan pembayaran.
 - i) Cetak pengesahan pembayaran sebagai bukti pembayaran.

Nota *:

Pelajar **PERLU melaksanakan proses pembayaran secara berasingan bagi setiap bayaran (yuran pengajian / yuran asrama / bayaran pelbagai) yang dibuat.*

(Calon adalah dinasihatkan untuk membuat salinan makluman bayaran yang dilakukan sebagai rujukan.)

C. PEMBAYARAN MELALUI MESIN ATM BIMB

Pembayar perlu mempunyai akaun **BIMB**.

Selepas Login

PILIHAN MENU:

1. Pilih butang: **LAIN-LAIN**
2. Pilih butang : **PEMBAYARAN BIL & YURAN IPT**
3. Pilih butang : **YURAN IPT / BILL PRESENTMENT**
4. Pilih butang : **PENGESAHAN NO AKAUN OLEH PEMILIK AKAUN**
5. **MASUKKAN NO KP PELAJAR (contoh : 970412105393)**
6. Paparan Yuran : **PILIH JENIS BAYARAN**

<ul style="list-style-type: none">• POLI S BERNAM NO KP Pelajar (contoh : 970412105393)• POLITEKNIK KPT 17(6 digit)RM200• POLITEKNIK KPT 17(6 digit)RM60	<p>Rujukan:</p> <ul style="list-style-type: none">POLI S BERNAM : Bayaran PelbagaiPOLITEKNIK KPT : Yuran PengajianPOLITEKNIK KPT : Yuran Asrama
---	---

Nota :

* Ulang Langkah 1-6 untuk melaksanakan proses pembayaran bagi setiap bayaran { yuran pengajian (RM200) / yuran asrama (RM60) / bayaran pelbagai (RM150) } yang dibuat.

(Sila simpan resit anda sebagai bukti pembayaran)

D. MESIN *CASH DEPOSIT* (CDM) BIMB

Tekan Butang “MASUK”

PILIHAN MENU:

1. Pilih butang : **YURAN IPT / BILL PRESENTMENT**
2. Masukkan **NO KP Pelajar (contoh : 970412105393)**
3. Paparan Yuran : **PILIH JENIS BAYARAN**

<ul style="list-style-type: none">• POLI S BERNAM NO KP Pelajar (contoh : 970412105393)• POLITEKNIK KPT 17(6 digit)RM200• POLITEKNIK KPT 17(6 digit)RM60	<p>Rujukan:</p> <ul style="list-style-type: none">• POLI S BERNAM : Bayaran Pelbagai• POLITEKNIK KPT : Yuran Pengajian• POLITEKNIK KPT : Yuran Asrama
---	--

Nota :

* Ulang Langkah 1-3 untuk melaksanakan proses pembayaran bagi setiap bayaran { yuran pengajian (RM200) / yuran asrama (RM60) / bayaran pelbagai (RM150) } yang dibuat.

(Sila simpan resit anda sebagai bukti pembayaran)